



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 24

**25hb November 2021**

*TAMBAHAN No. 165  
PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 426.**

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(EFLUEN TERLARANG) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dibaca bersama seksyen 2 dan perenggan 61(1)(a), Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen Terlarang) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2021.

## **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “proses rawatan kumbahan” ertinya suatu turutan proses yang sesuai yang dipilih untuk memastikan standard efluen boleh dipatuhi di bawah operasi biasa suatu tempat rawatan kumbahan.

### Pelepasan efluen terlarang

3. (1) Tiada seorang pun boleh melepaskan atau membenarkan dilepaskan ke dalam mana-mana pembetung awam atau tempat rawatan kumbahan awam, apa-apa efluen terlarang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Apa-apa permohonan untuk kelulusan Suruhanjaya di bawah subperaturan (1) boleh dibuat dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

### Jadual

4. Bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan ini, efluen terlarang adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
[Peraturan 4]  
EFLUEN TERLARANG

(1) Lelasan mengandungi bahan cemar, termasuk bahan cemar yang memerlukan oksigen, dalam kuantiti aliran atau kepekatan yang mencukupi, sama ada secara individu atau melalui interaksi dengan bahan pencemar yang lain, yang menyebabkan gangguan dalam tempat rawatan kumbahan termasuk tetapi tidak terhad kepada, bahan-bahan yang menyebabkan kepekatan bahan melebihi kepekatan yang dinyatakan di bawah:

Item	Parameter	Unit	Had
1.	Suhu	°C	40
2.	pH	-	Tidak rendah daripada 6.0 Tidak lebih daripada 9.0
3.	Permintaan Oksigen Biokimia (BOD)	mg/l	250
4.	Pepejal Terampai (SS)	mg/l	300
5.	Permintaan Oksigen Kimia (COD)	mg/l	500
6.	Jumlah Nitrogen (TN)	mg/l	50
7.	Ammoniacal Nitrogen (AMN)	mg/l	30
8.	Jumlah Phosphorus (TP)	mg/l	10
9.	Minyak dan Gris (O&G)	mg/l	50

(2) Apa-apa lepasan dan bahan yang melalui tempat rawatan kumbahan dan menyebabkan pelanggaran Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [P.U. (A) 432/2009];

(3) Apa-apa lepasan dan bahan yang menjejaskan pelepasan enap cemar kumbahan sebagai sebatian organik;

(4) Apa-apa lepasan dan bahan dengan warna yang meragukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sisa pewarna dan larutan penyamakan nabati, yang akan melalui tempat rawatan kumbahan dan masuk ke dalam alur air tanpa dirawat secara efektif oleh proses-proses rawatan kumbahan, yang—

(i) tidak bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan dan kemudahan rawatan pemptungan yang digunakan; atau

(ii) bertindak balas terhadap proses-proses rawatan kumbahan tetapi tidak sehingga tahap rawatan yang efluen itu tidak boleh memenuhi kehendak undang-undang yang terpakai bagi pelupusan atau rawatan efluen kumbahan dan pelupusan enap cemar kumbahan;

(5) Apa-apa lepasan dan bahan yang merosakkan, mengurangkan fungsi, mengganggu atau menyebabkan gangguan kepada sistem pemptungan dan fungsi-fungsinya atau mewujudkan kesan toksik di dalam alur air yang menjadi bahaya kepada manusia atau haiwan termasuk tetapi tidak terhad kepada—

(i) bahan pencuci, ejen permukaan aktif atau apa-apa bahan yang boleh menyebabkan buih berlebihan;

(ii) pepejal, cecair, gas, wap atau wasap toksik atau beracun;

(iii) ammonia, garam ammonia atau apa-apa ejen pengkelat yang akan menghasilkan kompleks metalik;

(iv) fenol, hidrogen sulfida atau lain-lain bahan penghasil rasa dan bau;

(v) bahan pencemar yang dibawa melalui tangki;

(vi) logam berat;

(vii) bahan-bahan berasid yang mengandungi pH rendah daripada 6.0 atau asid kuat atau larutan penyaduran pekat sama ada dineutralkan atau tidak;

(viii) buangan terjadual sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005];

(ix) sisa atau isotop radioaktif; dan

(x) racun makhluk perosak, racun kulat, racun herba, racun serangga, racun tikus atau wasap;

(6) Apa-apa gris atau minyak yang dilepaskan dalam pemetung yang boleh menyumbat pemetung dan membebani secara berlebihan peralatan menapis dan menangani gris termasuk tetapi tidak terhad kepada lemak, lilin, gris atau minyak, daripada restoran-restoran atau apa-apa kemudahan lain, sama ada diemulsi atau tidak, mengandungi bahan-bahan yang boleh memejalkan atau menjadi likat pada suhu antara 0°C dengan 40°C;

(7) Bahan-bahan pepejal atau likat yang boleh menyebabkan halangan kepada aliran di dalam pemetung termasuk tetapi tidak terhad kepada abu, arang, pasir, lumpur, jerami, logam, kaca, kain buruk, bulu pelepah, tar, sampah, baja tahi, rambut dan daging, usus, bahan kertas, sisa daripada pengisar sampah, kepingan kayu, sisa asphalt dan sisa daripada proses pemurnian bahan bakar atau minyak pelincir;

(8) Apa-apa lelasan atau bahan yang boleh menyebabkan efluen loji rawatan atau apa-apa hasil loji rawatan kumbahan seperti sisa-sisa, enap cemar atau kekam, menjadi tidak sesuai bagi proses pemuliharaan dan guna semula, atau boleh mengganggu proses pemuliharaan.

Dibuat 18 November 2021

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN(PU2)660/Jld. 15]